

Selesai isu tertangguh

» Janji Pesuruhjaya Sukan baharu, Zaiton Othman

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pesuruhjaya Sukan yang baharu, Datuk Zaiton Othman (**gambar**) berjanji akan cuba menyelesaikan beberapa isu tertangguh termasuk status Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF) yang masih tergantung apabila melapor diri secara rasmi 1 Februari ini.

Zaiton yang melakar sejarah baharu - muncul sebagai wanita dan juga bekas atlet pertama memegang jawatan itu - berkata mungkin terlalu awal untuk beliau menyatakan visinya tetapi menegaskan sudah mempunyai perancangan untuk melaksanakan amanah itu.

"Insya Allah... mana yang tertangguh akan didahulukan dan ada banyak cara untuk kita menyelesaikannya. Bukan melalui pendekatan se-



orang sahaja, tetapi boleh juga menerusi pandangan ramai dan sebenarnya tidak ada perkara yang tidak boleh diselesaikan," kata Zaiton yang sebelum ini memegang jawatan Pengarah Bahagian Organisasi dan Hal Ehwal Atlet Majlis Sukan Negara (MSN), ketika dihubungi semalam.

Mengulas mengenai pelantikannya oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar semalam, Zaiton berkata: "Saya berasa amat berbesar hati kerana diberi kepercayaan dan keyakinan ini kepada saya.

Berbesar hati

"Walaupun saya lebih kepada pembangunan atlet, kebajikan atlet, pendidikan atlet tetapi ini satu tugas yang lebih besar buat saya.

"Apa pun saya percaya yang saya boleh melakukannya dengan lebih lagi... saya pernah menjadi atlet dan saya tahu masalah dalam persatuan dan saya akan bersama-sama membantu mereka termasuk juga atlet di bawah persatuan."

Semalam Khairy dalam satu kenyataan mengumumkan pelantikan Zaiton sebagai Pesuruhjaya Sukan selepas jawatan itu kosong apabila Ahmad Shapawi Ismail mengambillah tugas Ketua Pengarah MSN bulan lalu.

Biodata

Datuk Zaiton Othman

- **Tarikh lahir:** 3 Mei 1959
- **Tempat Lahir:** Kepala Batas, Pulau Pinang
- **Pendidikan**
- Sekolah Kebangsaan Paya Keladi, Pulau pinang - 1967-1972
- Sekolah Menengah Perempuan St George - 1973-1977
- Institut Latihan Guru Pakar Cheras - 1978-1980
- Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Fizikal Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang - 1983-1987
- Sarjana Psikologi Sukan Gunaan Universiti San Diego, Amerika Syarikat - 1990-1992
- **Pencapaian**
- Pingat emas acara 4x400m di Sukan Asia - 1978
- Tiga emas dan satu perak di Sukan SEA Manila 1981 (emas heptathlon (5,338 mata), 4x400m dan perak lompat tinggi)
- Dinobatkan sebagai Ratu Heptathlon di Sukan SEA 1981
- Pingat emas di Piala Asean Filipina 1984
- **Anugerah**
- Atlet Wanita Terbaik Pulau
- Pinang - 1981, 1982, 1983
- Atlet Wanita Terbaik Kebangsaan - 1982